

25/02/1997

Dermawan biaya pusat rawat buah pinggang dipuji

SEREMBAN, Isnin - Kerajaan menghargai keprihatinan golongan berada yang sanggup menghulurkan derma untuk membiayai pusat haemodialisis bagi memudahkan pesakit buah pinggang terutama golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan rawatan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara memang memerlukan dermawan bagi menolong golongan yang memerlukan supaya mereka tidak menghadapi kesukaran mendapatkan rawatan yang memerlukan perbelanjaan besar.

Berucap merasmikan Pusat Haemodialisis Mawar berharga RM6 juta di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, sikap keprihatinan itu penting berikutan masih ramai anggota masyarakat yang memerlukan rawatan seperti itu.

"Alhamdulillah mereka yang mendapat manfaat daripada hasil kemakmuran negara ini sanggup menghulurkan derma seperti membina pusat ini untuk memberi bantuan kepada mereka yang tidak bernasib baik," katanya.

Sambil memuji dermawan membiayai pembinaan pusat itu, beliau menyedari betapa besar perbelanjaan yang perlu dikeluarkan pesakit buah pinggang bagi mendapatkan rawatan secara berterusan.

Beliau menarik perhatian seorang rakannya yang mengalami sakit buah pinggang yang ketika itu tidak mempunyai mesin haemodialisis terpaksa membuat suntikan sejenis air untuk mengeluarkan segala kekotoran daripada darah dan proses ini amat sakit kerana terpaksa dijalani secara berulang kali.

"Kita bersyukur dengan adanya mesin ini pesakit boleh mendapatkan rawatan dengan cara lebih selesa dan ia mengurangkan kesakitan. Tetapi mereka terpaksa menghabiskan masa panjang untuk menjalani rawatan.

"Dalam pada itu pesakit terpaksa menyediakan belanja besar untuk membiayai rawatan dan kebanyakan mereka tidak mampu sehingga penyakit yang dialami semakin buruk," katanya.

Perdana Menteri yakin dengan adanya pusat itu dapatlah pesakit yang tidak mampu menggunakan mesin seperti itu supaya mereka mendapat rawatan sempurna.

Beliau berharap pusat seperti itu dapat dibuka di negeri lain bagi membolehkan pesakit buah pinggang mendapatkan rawatan sewajarnya.

Sementara itu, pengerusi pusat berkenaan yang juga Ahli Exco negeri, Datuk Dr Yeow Chai Thiam, berkata pesakit yang memerlukan rawatan hanya dikenakan bayaran RM70 bagi setiap lawatan.

(END)